

**KAJIAN KESEDARAN ICT DI KALANGAN MASYARAKAT DESA DI SARAWAK**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**IMILIA BINTI IBRAHIM  
SABARIAH BINTI ABD SAMAD  
ABDUL ISMAIL BIN MOHD JAWI  
EMELIA BINTI ABD RAHIM**

**SEPTEMBER 2008**

Tarikh : 22 September 2008  
No. Fail Projek : 600-IRDC/SSP.5/3/Rsp(86/2008)

Prof. Dr. Azni Zain Ahmed  
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)  
Universiti Teknologi MARA  
40450, Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ‘KAJIAN KESEDARAN ICT DI KALANGAN MASYARAKAT DESA DI SARAWAK’**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk ‘Kajian Kesedaran ICT di Kalangan Masyarakat Desa di Sarawak’ oleh kumpulan Penyelidik dari UiTM Sarawak, Kampus Samarahan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**IMILIA BINTI IBRAHIM**  
Ketua  
Projek Penyelidikan

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>SURAT PERLANTIKAN MENJALANKAN PROJEK</b>	
<b>SURAT PENYERAHAN LAPORAN</b>	
<b>DAFTAR AHLI PENYELIDIK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>DAFTAR JADUAL</b>	vi
<b>DAFTAR RAJAH</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	viii
<b>BAB 1</b>	
<b>1.0 Pengenalan</b>	1
<b>1.1 Objektif Kajian</b>	6
<b>1.2 Kepentingan Projek</b>	7
<b>1.3 Skop Projek</b>	7
<b>1.4 Definisi Terma / Konsep Kajian</b>	9

## **ABSTRAK**

*Teknologi Komunikasi dan Maklumat telah menjadi satu perubahan yang amat besar di dalam masyarakat. Kebanyakan ahli masyarakat begitu bergantung dengan teknologi Internet dan telefon bersistem. Teknologi maklumat dan komunikasi telah membawa perubahan besar bukan sahaja di dalam cara hidup dan komunikasi di antara masyarakat, ia juga telah membuka peluang besar bagi semua orang mengetahui tentang dunia luar dan menambahkan ilmu pengetahuan. Kajian ini bertujuan memperlihatkan bagaimana masyarakat desa khususnya menerima dan mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam kehidupan sehari-hari mereka.*

*Kajian ini akan menyentuh secara beberapa aspek asas di dalam masyarakat. Antara yang akan dibincangkan ialah persepsi masyarakat terhadap teknologi maklumat dan komunikasi. Antara perkara lain yang dikaji ialah penerimaan masyarakat berlainan generasi terhadap teknologi maklumat dan pendedahan yang mereka dapati daripada persekitaran mereka.*

*Hasil kajian ini mendapati sebahagian besar masyarakat desa masih lagi tidak begitu memahami dan mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kebanyakan mereka melihat ICT sebagai sesuatu yang sangat asing kepada mereka dan tidak diperlukan di dalam kehidupan mereka.*

## **BAB SATU**

### **1.0 PENGENALAN**

Peradaban manusia pada hari ini banyak bergantung kepada kemajuan dan kemudahan yang di terima dan di guna pakai melalui pengenalan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kehidupan seharian. Anjakan paradigma yang berlaku di dalam masyarakat telah menyebabkan berlakunya transformasi masyarakat, daripada masyarakat yang hanya bergantung kepada pertanian semata-mata pada suatu ketika dahulu kepada satu masyarakat yang berteraskan industri dan juga maklumat. Ini dapat di lihat apabila kebanyakan manusia hari ini begitu banyak bergantung kepada kemajuan teknologi maklumat dalam menjalankan kehidupan seharian mereka. Kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tidak dapat di pertikai dan dinafikan kewujudannya, malahan ianya merupakan satu kuasa baru yang berkeupayaan untuk mengerakkan aktiviti sosial dan kemasyarakatan bukan hanya di Malaysia malahan di seluruh dunia. Istilah celik teknologi maklumat menjadi impian setiap lapisan masyarakat dalam dunia, dimana ini akan menjadi satu titik tolak kepada kemajuan yang ingin di capai di dalam bidang yang di ceburi.

Merujuk kepada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, ini dapat di lihat bagaimana setiap negara di dalam dunia ini cuba bersaing dan bertungkus lumus berusaha dalam menyediakan kemudahan-kemudahan yang membolehkan teknologi